

22 AUG 1997

Lim-hari jadi (bergambar)

LIM GOH TONG SAMBUT HARI JADI KE 80

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Tan Sri Lim Goh Tong bukan saja antara orang terkaya di Asia tetapi menikmati usia yang panjang.

Dengan harta dianggarkan RM9 bilion dan terkenal dengan cara hidup berjimat cermat, pemilik Genting Berhad ini menyambut hari jadinya ke 80 hari ini dengan mengadakan jamuan malam di Hotel Istana di sini.

Lain daripada hari jadi biasa, semua jemputan diminta tidak membawa hadiah atau mengucapkan selamat hari jadi kepada beliau menerusi iklan dalam akhbar.

Antara tetamunya ialah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali selain tokoh-tokoh korporat tempatan.

Lim, yang kelihatan ceria dan lebih muda daripada umurnya itu, memberi penghargaan kepada keluarganya dan semua jemputan sambil mengucapkan terima kasih kepada mereka kerana menyokong perniagaannya yang membolehkan beliau "mencapai segala idaman dan wawasannya".

Sebagai mengenang majlis malam ini, usahawan dan dermawan itu menyumbang RM3.8 juta kepada pelbagai badan kebajikan. Beliau menjemput Dr Mahathir menyerahkan cek-cek itu.

Wang itu adalah sebahagian daripada RM8 juta yang dikutip oleh anggota keluarganya, rakan-rakan serta Kumpulan Resorts World untuk Yayasan Lim yang ditubuhkan pada 1978 sempena hari jadinya.

Dalam ucapan yang dibacakan oleh anak lelaki keduanya Datuk Lim Kok Thay, beliau berkata : "Saya bernasib baik sejak sekian lamanya dan saya sedar tentang ini."

Lim berhijrah ke sini dari China ketika berusia 20 tahun. Beliau bermula sebagai seorang tukang kayu dengan pendapatan 80 sen sehari sebelum menjadi kontraktor Kelas A dengan Jabatan Kerja Raya.

Beliau mengaitkan kejayaannya itu kepada keluarganya dan berpendapat bahawa nilai-nilai seperti kerja kuat, kewibawaan, dedikasi dan ketaatan merupakan kunci kepada satu keluarga dan negara yang kukuh.

"Perkataan 'dunia' dalam tulisan Cina mengandungi dua unsur. Unsur pertama bermakna negara dan yang kedua adalah keluarga. Ini bermakna bahawa jika unit keluarga itu kuat, negara juga akan kuat.

"Negara kita diberkati dengan kepimpinan yang baik dan jika rakyatnya bersatu serta bekerja sebagai satu keluarga besar, maka masa depan terus cerah untuk anak-anak kita dan untuk Malaysia," kata Lim.

Katanya beliau bernasib baik kerana telah diberi peluang membangunkan Genting Highlands sebagai pusat pelancongan. Beliau menerima anugerah khas daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tahun ini kerana sumbangannya kepada industri pelancongan negara.

Lim juga memulakan Star Cruise Sdn Bhd, sebuah daripada syarikat yang berjaya dalam percutian berkapal.

Sebagai pemilik empayar perniagaannya khususnya Kumpulan Genting yang ia sahaja bernilai RM18.4 bilion, Lim membuktikan bahawa bahasa bukan penghalang kejayaan.

Lim tidak pandai berbahasa Inggeris manakala untuk bahasa Melayu, beliau sekadar menggunakan bahasa pasar. Beliau bertutur menggunakan bahasa Hokkien.

Selain masih menjadi pengerusi dan pengarah urusan bersama Genting Berhad dengan Kok Thay, beliau adalah juga pengerusi Resorts World Bhd, ketua eksekutif bersama Asiatic Development Berhad dan The Commercial Bank of Hong Kong Limited serta mengetuai syarikat milik keluarganya, Kien Huat

Realty dan Kien Huat Berhad. -- BERNAMA
HAK MAI